
SIARAN MEDIA
22 NOVEMBER 2024

ECoS Melancarkan OPS KLIK 1.0

TAWAU, 22 November - Satu Operasi Pemantauan Bersepadu Kelengkapan Elektrik (OPS KLIK 1.0) yang diketuai oleh Energy Commission of Sabah (ECoS) bersama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (cawangan Sabah) telah dijalankan di sembilan buah kedai di sekitar bandar Tawau.

Hasil dapatan daripada OPS KLIK 1.0 mendapati bahawa masih terdapat barangan elektrik yang tidak diiktiraf oleh ECoS-SIRIM atau Suruhanjaya Tenaga (ST)-SIRIM dijual kepada para pengguna.

Ts. Muhammad Azuan Zainuddin, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Pemantauan ECoS, selaku ketua operasi berkata, “Sejak kuasa pengawalseliaan pembekalan elektrik di seluruh negeri Sabah beralih tangan daripada ST kepada ECoS pada 3 Januari 2024, di samping memberikan pendedahan kepada para penjual kelengkapan elektrik pengguna mengenai tanggungjawab ECoS dalam mengawal selia aktiviti penjualan kelengkapan elektrik pengguna di Sabah, operasi ini juga bertujuan untuk memastikan kelengkapan elektrik yang dijual adalah memenuhi kehendak Enakmen Bekalan Elektrik (EBE) 2024 dan Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik (PPBE) 2024.”

“Selaras dengan Peraturan 100(1), PPBE 2024, apa-apa kelengkapan elektrik pengguna hendaklah diuji dan disahkan selamat dan diluluskan oleh ECoS,” jelas Azuan, di mana beliau turut menekankan kepentingan untuk para penjual barangan elektrik untuk mematuhi Peraturan 107 dan Peraturan 111(3) di bawah PPBE 2024 yang menyatakan bahawa hanya kelengkapan elektrik pengguna yang telah diluluskan dan dilabelkan dengan Label Keselamatan ECoS-SIRIM dan Label Penarafan Kecekapan Tenaga ECoS boleh dijual kepada para pengguna.

“Namun demikian, ECoS masih membenarkan aktiviti penjualan kelengkapan elektrik pengguna yang mempunyai Label Keselamatan Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST)-SIRIM dan Label Penarafan Kecekapan Tenaga ST di Sabah,” beliau berkata.

“Kegagalan oleh penjual kelengkapan elektrik pengguna untuk mematuhi Peraturan-Peraturan ini boleh mengakibatkan kelengkapan elektrik itu disita dan dilupuskan (atau dialihkan) selaras dengan Peraturan 110(2) dan Peraturan 113(2) di bawah PPBE,” sambung Azuan.

Sementara itu, Ts. Ridwan Saham, Ketua Pegawai Operasi ECoS berkata, “Operasi KLIK akan giat dijalankan dan operasi seterusnya akan melibatkan lebih banyak agensi-agensi lain yang berkaitan. ECoS akan teruskan komitmen dan tanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan untuk memastikan hanya kelengkapan elektrik pengguna yang selamat dan cekap tenaga dijual di Sabah.”

[tamat]

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.